

Kita Harus Berwaspada : JOM CEGAH COVID-19

Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang tepat.

pada

bagi

dari

dengan

tentang

hingga

di

untuk

terhadap

ke

sejak

daripada

dalam

kepada

seperti

oleh

antara

demi

akan

1. Sering mencuci tangan

Mencuci tangan _____ salah satu cara efektif _____ membunuh dan menyingkirkan virus Corona yang jelasnya boleh menular melalui percikan air liur seseorang. Percikan itu berpotensi keluar _____ mulut pesakit saat bersin atau batuk. Jika percikan tersebut terkena _____ tangan atau permukaan benda-benda yang sering anda sentuh, maka virus mudah masuk _____ dalam tubuh anda. Namun, virus ini boleh mati jika kita mencuci tangan _____ menggunakan air yang mengalir beserta sabun atau menggunakan pensanitasi tangan yang mengandungi alkohol dengan kadar sekurang-kurangnya 70%. Oleh itu, mencuci tangan amat penting untuk diamalkan _____ semua rakyat Malaysia.



2. Menjaga jarak 1 meter

Percikan air liur yang mengandungi virus Corona juga boleh tersebar sejauh lebih kurang 2 meter. _____ hal ini, jika anda berdiri berdekatan atau tidak menjaga jarak dengan seseorang yang telah disahkan positif COVID-19, maka virus tersebut akan lebih mudah menjangkiti anda. Oleh sebab itu, penjarakan sosial amat ditekankan sebagai pencegahan infeksi virus Corona.



Lagi pula, kita sudah mempunyai banyak bukti-bukti yang nyata yang mana jika penjarakan sosial tidak dipraktikkan, maka penularan virus Corona akan tersebar lebih agresif _____ keadaan yang berlaku _____ negeri Sabah dahulu akibat perkumpulan orang ramai sempena pilihan raya _____ jangkitan wabak ini kembali meningkat. Oleh itu, kita perlu berfikir _____ keselamatan semua orang lain juga atas setiap tindakan kita kerana semua orang amat risau _____ jangkitan wabak ini yang berkemungkinan mampu menjangkiti ahli keluarga kita juga. Jadi, kita perlu menanam sikap cakna dan ambil berat _____ diri dan keluarga kita agar virus ini dapat dihapuskan bersama.

3. Memakai pelitup separa muka jika sedang bergejala

Bagi anda yang sedang mengalami gejala COVID-19, maka anda disarankan _____ memakai pelitup separa muka ketika mahu keluar rumah ataupun ketika berada di dalam rumah juga. Hal ini kerana anda juga boleh menjangkiti anggota keluarga yang lain. Selain itu, langkah ini juga dilakukan untuk mencegah percikan air liur anda terkena pelbagai barang yang ada di dalam rumah termasuk meja makan dan sebagainya. Jadi, _____ kebaikan semua, kita perlu sentiasa memakai pelitup muka kerana ini merupakan langkah yang amat disarankan oleh kerajaan _____ dahulu lagi ketika mula-mula wabak ini mula mengganas di seluruh dunia.

